

PENGUASAAN STRUKTUR DALAMAN KATA (SDK) IMBUHAN DALAM KALANGAN PELAJAR BAHASA ARAB

Hasnurol Hashim
hasnurolhashim@gmail.com
Institut Pendidikan Guru Raja Melewar

Kaseh Abu Bakar
kaseh@ukm.edu.my
Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Maheram Ahmad
maheram@ukm.edu.my
Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Sistem perkataan Arab adalah berdasarkan sistem akar yang dicirikan dengan corak gabungan yang berbeza dan kekayaan bentuk terbitan. Struktur Dalaman Kata (SDK) bagi bentuk terbitan ini melibatkan dua konstituen: huruf akar dan morfem atau imbuhan. Kedua-dua konstituen tersebut menyumbang kepada kosa kata dan maknanya secara keseluruhan. Kajian ini mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh pelajar bahasa Arab dalam mengenal pasti struktur huruf dasar dalam kata nama terbitan dan kata kerja. Lazimnya para pelajar menghadapi kesukaran untuk menentukan huruf akar daripada struktur terbitan kompleks. Akibatnya, pelajar secara amnya menghadapi kesukaran untuk memahami makna asas dan lanjutan perkataan terbitan. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan SDK dan mengesan mengesan faktor kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar. Kajian kuantitatif rintis ini menggunakan instrumen Ujian Struktur Dalaman Kata Imbuhan (USD*Ai*) yang terdiri daripada 130 item. Instrumen tersebut telah diedarkan kepada 45 pelajar pengajian tinggi bahasa Arab. Model Pengukuran Rasch dan Winsteps 3.69.1.11 telah digunakan untuk analisis data. Keputusan menunjukkan bahawa penguasaan keseluruhan pelajar terhadap struktur dalaman kata imbuhan bahasa Arab ialah 77%. Paling sukar ialah penentuan kata akar perkataan berimbuhan dengan penguasaan hanya 59%. Ia memberikan bukti empirikal awal bahawa semakin kompleks struktur kata dalaman, semakin sukar bagi pelajar untuk mengenal pasti kata dasar bagi sesebuah perkataan. Kelemahan penguasaan pelajar dalam aspek asas morfologi Arab seperti ini boleh menghalang perkembangan penguasaan morfologi Arab yang melibatkan pemahaman dan penggunaan makna asas dan lanjutan kata bahasa Arab.

Kata kunci: Morfologi, struktur dalaman kata, kata akar, morfem dan kosa kata

ACQUISITION OF INTERNAL STRUCTURE OF DERIVATIONAL WORDS (SDK) AMONG ARABIC LANGUAGE LEARNERS

ABSTRACT

Arabic word system is based on the root system which is characterized by different combination patterns and richness of derivational forms. The Internal Structure of Word (SDK) of these derived forms involves two constituents: the root letters and morphological meters or affixes, contributing to the overall forms, basic meaning and extended meaning. This study is concerned with the difficulty faced by Arabic language learner in identifying the structure of root letters in derivational nouns and verbs. Learners usually find it difficult to determine the root letters from the complex derivational structures. Consequently, students generally face difficulty in understanding the basic and extended meaning of the derived words. The aim of this study was to measure the level of SDK mastery and to investigate students' mastery of different types of root combinations. This pilot quantitative study employs a measurement instrument consisting of 130 items and representing 5 different word structures. The instrument was distributed to 45 tertiary learners of Arabic. Rasch Model and Winsteps were employed for data analysis. Results indicate that the overall student's mastery of the internal structure of derivational words was 77%. The most difficult of all was hollow verb root pattern with only 59% mastery, providing early empirical evidence that the more complex the internal word structure, the more difficult it is for students to identify the root words. Learners' lack of mastery in such rudiment aspect of Arabic morphology may hamper their acquisitional development of Arabic morphology involving comprehending and using the basic and extended meanings of derivational words.

Keywords: Arabic, applied linguistics, language testing, morphological acquisition, Rasch Model

PENGENALAN

Morfologi merupakan bidang linguistik bahasa yang memperihalkan aspek kata dan strukturnya (Adrian Akmajian 1995; Tucker 2011; Hassan 2016). Aspek kata merupakan salah satu unsur tatabahasa yang penting selain klausa, frasa dan ayat. Diperteguhkan oleh Asmah (2008), kepentingan aspek kata dalam bahasa merupakan unsur yang dilihat mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan ayat. Manakala Adrian Akmajian (2002) pula menjelaskan aspek kata merupakan struktur linguistik paling asas dalam apa jua bahasa manusia yang dapat dibuktikan dengan merujuk kepada majoriti ahli penutur bahasa. Menurut Bloomfield (1970), perihal aspek kata dalam sesuatu bahasa adalah merujuk kepada perubahan pemeringkatan konstruksi sesuatu kata kompleks yang hanya boleh diuraikan melalui proses pemajmukan, pengimbuhan, modifikasi yang ditambah kepada bentuk asas dalam susunan tertentu.

Signifikan aspek kata ini mempunyai perkaitan dengan kosa kata atau perbendaharaan kata yang merupakan antara unsur penting dalam sesuatu bahasa. Unsur bahasa seperti al-Mufradat (kosa kata), al-Aswat (fonetik), al-Huruf (abjad) dan al-Tarakib (tatabahasa) merupakan keperluan bagi seseorang pelajar bahasa untuk menguasai semua keterampilan berbahasa termasuk kemahiran bahasa (H.Chambali & Zaenuddin 2015; Abdurrochman 2017). Diperakui oleh (Syuhada 2011), perkembangan sebuah bahasa lazimnya diikuti dengan perkembangan kosa katanya dan kata merupakan dasar dalam sesebuah bahasa.

Justeru setiap kata seharusnya dipelajari secara intuitif, iaitu mengetahui sesuatu tentang struktur dalamannya. Hal ini menurut Adrian Akmajian (2002) ialah fungsi morfologi antaranya mengkaji struktur dalaman kata (SDK) dan hubungan antara kata. Struktur dalaman kata adalah merujuk kepada aspek jumlah dan jenis morfem (Asmah 2008) atau akar konsonan yang digabungkan sama ada transfix, prefiks dan sufiks, infiks dan geminasi (Król 2016). Perkara ini turut didokong oleh Muhammad (2014), iaitu kebanyakan perkataan atau akar konsonan terutamanya mengikut kondisi bahasa Arab, diproses sama ada dalam bentuk kata pengimbuhan, pengguguran, pengalihan, penukaran, penyerapan dan penyuraian. Hal ini kerana kajian terhadap asas-asas pembentukan suatu kata dengan mengenal pasti susunan unit-unit kata secara struktur merupakan elemen penting dalam apa jua kajian bahasa dan ia haruslah didahulukan dan diutamakan sebelum menceburi bidang linguistik yang lain (Al-Rajih 1984). Tujuan utama kajian adalah mengenal pasti tahap penguasaan struktur dalaman kata (SDK) imbuhan bahasa Arab dalam kalangan pelajar menerusi instrumen yang dibina dan mengesan faktor kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar. Oleh hal yang demikian, kajian yang dilakukan ini menetapkan objektif seperti berikut:

- (i.) Mengetahui tahap penguasaan pelajar di pelbagai peringkat pengajian terhadap struktur dalaman kata (SDK) imbuhan bahasa Arab.
- (ii.) Menganalisis faktor kesukaran yang mempengaruhi penguasaan struktur dalaman kata (SDK) imbuhan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti awam.

TEORI STRUKTUR DALAM KATA (SDK)

Morfologi mengikut perspektif bahasa Arab merupakan bidang disiplin ilmu yang membicarakan perihal struktur kata, proses bentuk kata dan penggolongan atau klasifikasi kata (Faudziah Rasad & Mahamod 2013; Chapakiya 2014; Amrulloh & Himmah 2017). Struktur kata adalah tatacara pembentukan kalimah bermula pengembangan kata akar (Asyur 1984; Abd. Rahman Mohd. Zaki & Che Radiah 2010) dengan gabungan morfem atau huruf tambahan (imbuhan) dengan kata akarnya (Syuhada 2011; Igaab & Kareem 2018) mengikut acuan bina kalimah atau padanan wazan yang berperanan untuk membentuk sesuatu kata atau kalimat yang merupakan dasar bagi bahasa Arab (Al-Rajih 1984; Al-Shuwairekh 2001; Muhammad 2014).

Kata akar atau leksim merupakan komponen utama pembentukan kata bahasa Arab selain imbuhan pola bahasa Arab itu sendiri yang terdiri dari huruf-huruf konsonan mahupun vokal. Hal tersebut merujuk kepada struktur dalaman kata itu dibina atau dibentuk daripada pelbagai bahagian dan dalam konteks bahasa Arab sama ada dari dua konstituen iaitu kata akar dan morfem berdasarkan imbuhan polanya (al-mizan al-Sarf). Justeru menurut Al-'Abidi (2011) Ridwan & Hidayati (2015), Hawamidah (2017) dan Igaab & Kareem (2018), elemen-elemen tersebut berfungsi menghasilkan kata baharu dan makna mengikut peraturan morfologi dan sintaksis.

Struktur kata ini merupakan penguasaan asas atau fundamental learning dalam bidang bahasa Arab yang sewajarnya dikuasai terlebih dahulu (Al-Rajih 1984; Muhammad Qadur 1999). Hal demikian bagi memastikan tiada pelajar yang tercicir dalam pembelajaran bahasa Arab sama ada di peringkat asas, peringkat pertengahan mahupun di peringkat pengajian tinggi bahkan memastikan tiada yang gagal menguasai aspek struktur dalaman kata (SDK) ini. Hal demikian kerana faktor tersebut boleh menyebabkan hilangnya minat para pelajar terhadap bidang morfologi, sekaligus menyebabkan kegagalan menguasai bahasa Arab dengan baik dalam lisan mahupun penulisan. Kata atau perkataan ialah sebahagian unit bahasa dalam menghasilkan ayat atau tulisan (Asmah 2008). Selain itu, kata dalam sesuatu bahasa itu memiliki dua aspek yang berbeza, iaitu aspek bahasa dan aspek penggunaannya dalam sesebuah budaya (Dony Burhan 2016).

Booij (2015) menyatakan setiap kata dalam apa jua bahasa mempunyai struktur dalamannya. Menurutnya, struktur dalaman kata (SDK) merupakan subkonstituen dari bidang morfologi yang mempunyai dua konstituen, iaitu

kata akar dan morfem. Kedua-dua konstituen tersebut berdiri dalam bentuk sistematik dengan makna (*systematic form-meaning relationship*) melalui proses pembentukan kata yang mencipta leksem baru atau bahagian kata-kata yang menerbitkan kata terbitan dan seterusnya memperluas leksikon bahasa atau kosa kata sesuatu bahasa. Berdasarkan asas hubungan tersebut dapat menetapkan struktur morfologi dalaman dengan subkonstituen verbal, iaitu dua fungsi asas operasi morfologi yang membuat kata kompleks adalah kata dan infleksi atau derivasi.

Merujuk analisis morfemik dalaman struktur kata bahasa Arab oleh Tucker (2011), struktur kata tersebut adalah berdasarkan sistem turunan morfem (derivasi) dan infleksi verbal Arab yang berdasarkan pecahan kata akar. Dalam sistem morfologi tersebut, infiks vokal tidak teratur disisipkan antara anggota akar konsonan dua hingga empat (*thuna`iy-thulasiy-ruba`iy*). Kandungan leksikal perkataan menerbitkan pelbagai bentuk derivasi yang berbeza (*appears in many different derivationally related forms*). Contoh perkataan *ka-ta-ba* menerbitkan perkataan *inkataba, kattaba, kataba, kitab, kuttab, kitabat, kutayyab, maktabah, makatib* dan lain-lain. Pembentukan bahasa Arab yang berasaskan kata akar dan imbangan pola (*Root-And-Pattern Morphology-RP*) tersebut memberi sumbangan kata akar dan template (bentuk kata baharu) kepada pembentukan perkataan (*contribution of the root and template to word formation*). Pandangan Tucker (2001) tersebut didokong oleh Majdi Shaker (2011), iaitu template morfologi Arab atau pembentukan kata Arab adalah berasaskan kata akar (konsonan), paten (pola) dan vokal,

Menurut al-Shuwairekh (2001), selain struktur dalaman kata terdiri daripada kata akar dan morfem, imbangan pola atau al-Mizan al-Sarf merupakan antara konstituen struktur dalaman kata bagi bahasa Arab. Hal ini diperakui oleh Muhammad (2014), bahawa al-Mizan al-Sarf dalam pembentukan kata kerja dan kata nama dalam bahasa Arab adalah satu bidang morfologi yang penting dan merupakan neraca bagi mengukur kesahihan struktur kata bahasa Arab. Al-Shuwairekh (2001) menegaskan kebolehan menggunakan pelbagai imbangan pola ini merupakan penentu kejayaan dalam menguasai bahasa Arab. Beliau menyatakan empat elemen pengetahuan tentang perkataan Arab, satu elemen daripadanya adalah mengetahui kata dasar dan imbangan pola perkataan atau al-Mizan al-Sarf bahasa Arab.

Secara rumusan, teori struktur dalaman kata (SDK) ini digunakan dalam apa jua bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa. Namun teori struktur dalaman kata (SDK dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada bahasa Arab yang dipelopori oleh al-Shuwairekh (2001), Tucker (2011) dan bahasa Inggeris oleh Booij (2015). Ia digunakan bagi tujuan mengetahui cara sesuatu perkataan itu dibina atau dibentuk daripada pelbagai bahagian dari tiga konstituen iaitu kata akar dan huruf tambahan (imbuan/morfem) serta konstituen imbangan pola atau al-Mizan al-Sarf yang ditetapkan dalam bahasa Arab itu sendiri.

Landasan teori struktur dalaman kata (SDK) bagi kajian ini adalah berdasarkan proses pembentukan perkataan (*word formation*) daripada kata akar dan huruf tambahan (imbuan) yang berpandukan kepada wazan kata kerja imbuan bahasa Arab sama ada melalui proses pengimbuhan (*Mazid*), pengguguran (*Hazaf*), pengalihan (*Iclal*), penggantian (*Ibdal*) dan penyerapan (*Idgham*) terhadap sesuatu penggolongan perkataan bahasa Arab. Hal tersebut kerana proses pembentukan perkataan Arab adalah berdasarkan sistem turunan morfem derivasi dan infleksi verbal yang berdasarkan pecahan kata akar dan akhirnya menerbitkan pelbagai bentuk derivasi yang berbeza dan akhirnya proses pembentukan kata tersebut mencipta leksem baru untuk memperluas leksikon bahasa (kosa kata bahasa).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen pengukuran merupakan ujian bertulis aneka pilihan yang mengandungi 130 item. Konstruk ujian meliputi lima jenis binaan kata: kata akar sah, kata akar mu'tal, kata berimbuhan sah, kata berimbuhan mu'tal dan wazn atau imbangan kata. Dalam kajian rintis ini, 45 pelajar yang mewakili pelbagai tahap pembelajaran bahasa Arab disebuah institusi pengajian tinggi terlibat. Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada maklum balas tentang penguasaan pelajar terhadap struktur dalaman kata (SDK) bahasa Arab. Soal selidik bertulis atau instrumen Ujian Struktur Dalaman Kata Imbuan (USDAi) bahasa Arab ini telah melalui proses kesahan pakar dan kajian rintis. Hal tersebut bertujuan bagi menentukan tahap kesahan kandungan (Tamuri et al. 2013).

Selanjutnya dua model diimplimentasi bagi membantu perolehan dan dapatan sesuai dengan tujuan kajian, iaitu mengukur tahap penguasaan kosa kata imbuhan dan faktor kesukaran yang dihadapi pelajar terhadap struktur dalaman kata (SDK) bahasa Arab. Manakala model pengukuran yang dipilih adalah bersifat diagnostik, iaitu berupaya membekalkan kepentingan struktur dalaman kata (SDK) kepada pelajar bagi menyubur penguasaan ilmu bahasa mereka khususnya perluasan khazanah kosa kata. Dua model tersebut ialah model pembinaan instrumen McIntire & Miller (2007) dan model pengukuran Rasch George (1980).

Keutamaan model pembangunan instrumen oleh McIntire & Miller (2007) ini adalah bertujuan memastikan item-item dari instrumen mewakili setiap konstruk yang hendak diukur adalah hasil daripada proses pembinaan instrumen dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir. Melalui model ini juga terdapat prosedur pengesahan pakar bagi memastikan instrumen yang dibina benar-benar berkualiti untuk diaplikasikan. Selain itu, instrumen yang dibina berdasarkan model ini juga memastikan kefahaman pelajar terhadap item daripada aspek laras dan laras bahasa bagi memenuhi kesahan kandungan (Mohd Matore et al. 2017).

Model seterusnya adalah model pengukuran Rasch yang bertujuan mengukur dan memastikan item-item yang dibina mempunyai kejituan dan bersifat tekal (Kaseh & Siti Aishah, 2009). Model pengukuran Rasch merupakan model respon item yang paling mudah (Azrilal et al. 2017; Muhamad Azry et al. 2019) dan mampu mentaksirkan keupayaan seseorang dalam bentuk statistik yang berguna (Azami et al. 2019) dan menawarkan peluang yang sangat besar untuk siasatan kesahan (Bond & Fox 2007). Sehubungan itu, menurut Azrilah, Mohd Saidudin & Azami (2017), pengaplikasian model pengukuran Rasch dalam sesuatu kajian dapat membina skala berdasarkan set item. Perkara ini turut disokong oleh Siti Rahayah (2008) yang menyatakan bahawa model ini sering dirujuk sebagai model 1 parameter logistik, iaitu mengandaikan semua item mempunyai indeks diskriminasi yang sama dan yakin bahawa pelajar yang berkebolehan rendah tidak akan meneka untuk mendapatkan jawapan yang betul bagi item-item yang mereka tidak ketahui.

Secara keseluruhan, proses model pengukuran Rasch ini mampu mengatasi kelemahan dalam menggunakan skor mentah sebagai keupayaan dan sebagai item kerangka kerja analisis. Justeru instrumen USDAi yang dibina melalui proses dua model tersebut digunakan bagi mendapatkan data sampel yang dipilih secara bukan rawak yang terdiri dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi mewakili populasi berlatar belakang akademik bahasa Arab dan berbeza tahap pengajian. Berikut adalah latar belakang sampel yang menjadi responden dalam kajian ini:

Jadual 1: Profil demografi responden

Jantina		Tahap Pengajian			
		Peringkat Sijil	Peringkat Diploma	Peringkat Sarjana Muda	Peringkat Sarjana/PhD
Lelaki	Perempuan				
30	15	6	5	32	2

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden berlatar belakang pengajian bahasa Arab yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi komposisi jantina, data menunjukkan 30 adalah lelaki dan 15 orang adalah perempuan. Berdasarkan tahap pengajian menunjukkan bahawa responden yang berada di tahap sijil adalah seramai 6 orang, peringkat diploma adalah 5 orang, peringkat sarjana muda adalah 32 orang dan peringkat lanjutan sama ada peringkat sarjana atau Ph.D seramai 2 orang. Kepelbagaian peringkat tahap pengajian oleh responden di atas adalah bertujuan memastikan instrumen yang diedarkan menepati pengukuran tahap penguasaan sama ada di tahap rendah, tahap sederhana mahupun tahap tinggi.

Bagi tujuan interpretasi data terhadap pengukuran tahap penguasaan struktur dalaman kata (SDK) imbuhan dalam kalangan pelajar bahasa Arab, dapatan kajian dianalisis berpandukan kepada jadual standard prestasi (JSP) yang diadaptasi daripada Nor Mashitah (2017) & Azami et al. (2019) dan jadual interpretasi tahap penguasaan ujian kosa kata oleh Abdul Aziz (1996) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 dan Jadual 3 berikut:

Jadual 2: Jadual Standard Prestasi (JSP)

Bil	Soalan	Item
1	Penguasaan kosa kata berimbuhan bagi aspek kata akar Sahih	(30 Item)
2	Penguasaan kosa kata berimbuhan bagi aspek kata akar Muctal	(30 Item)
3	Penguasaan huruf tambahan berimbuhan kata akar Sahih	(30 Item)
4	Penguasaan huruf tambahan berimbuhan kata akar Muctal	(30 Item)
5	Penguasaan padanan wazan kata kerja imbuhan	(10 Item)

Sumber: Adaptasi Nor Mashitah (2017) & Azami et al. (2019)

Jadual 3: Interpretasi Tahap Penguasaan Ujian Kosa Kata Imbuhan

Skala (Peratus)	Tafsiran
75 - 100	Responden tahu struktur bentuk perkataan sekurang-kurangnya $\frac{3}{4}$ (atau lebih) daripada senarai kosa kata yang diuji
50 - 74	Responden tahu struktur bentuk sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ atau hampir $\frac{3}{4}$ daripada senarai kosa kata yang diuji
25 - 49	Responden tidak tahu struktur bentuk $\frac{1}{2}$ atau $\frac{3}{4}$ daripada senarai kosa kata yang diuji

0 - 24 Responden tidak tahu struktur bentuk lebih $\frac{3}{4}$ daripada senarai kosa kata yang diuji

Sumber : Abdul Aziz (1996)

DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian yang dijalankan mendapati keseluruhan data menerusi instrumen USDAi ke atas 45 responden dan nilai kebolehpercayaan item konstruk kata akar, imbuhan dan wazan model dikotomi adalah tinggi, iaitu nilai alpha cronbach KR20 = 0.97 menunjukkan kebolehpercayaan yang cemerlang, iaitu melebihi nilai 0.7 – 0.8 (Bond & Fox 2007). Selain itu, hasil analisis turut mendapati indeks pengasingan responden ialah 4.33 dan indeks pengasingan item ialah 2.65 yang menunjukkan pengasingan kecukupan berdasarkan standard pengukuran, iaitu melebihi nilai 2.0 (Linacre 1994). Hal ini menunjukkan terdapatnya pengasingan bagi responden, iaitu empat strata kebolehan dan bagi item pula terdapat dua kategori item yang dikesan.

Seterusnya nilai indeks kebolehpercayaan responden pula ialah 0.95 dan nilai kebolehpercayaan item adalah 0.87. Keputusan ini menunjukkan masing-masing mempunyai nilai kebolehpercayaan yang diterima kuat, iaitu melebihi 0.8 (Bond & Fox 2007). Kesimpulannya, dapatan analisis pengukuran model Rasch menunjukkan instrumen USDAi yang dibina mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Ia dibuktikan menerusi keseluruhan julat yang diperoleh adalah diterima bagi memastikan instrumen kajian digunakan dalam penyelidikan.

Sehubungan itu juga, keberhasilan menggunakan dua model pembinaan instrumen McIntire & Miller (2007) dan model pengukuran Rasch (1980) berdasarkan teori struktur dalaman kata (SDK) dalam kajian ini, dapatan kajian menunjukkan instrumen yang dibina dapat membina skala pengukur (measure) atau satu parameter (ruler) yang bersifat sah dan jitu. Skala pengukur bersifat jitu dan sah yang dimaksudkan ialah hasil yang serupa diperoleh berulang kali menghasilkan jangkauan yang sama pada masa akan datang (Azrilah, Mohd Saidudin & Azami 2017).

Oleh itu, skala pengukur kajian bagi item adalah 3.25 hingga -3.07= 6.32 logit panjang dan terdapat dua pengasingan item sukar dan item mudah. Manakala skala pengukur yang dihasilkan bagi skala pengukur responden pula adalah 5.70 hingga -1.58 = 7.28 logit panjang dan garis pemisah pada person mean =1.51, iaitu terdapat empat strata pengasingan responden, iaitu cemerlang, baik, sederhana dan lemah. Berikut ialah jadual skala pengukur item dan responden dalam kajian ini:

Jadual 4: Skala Pengukur Item

Item	Logit
Item Sukar	3.25 hingga 0.00
Item Mudah	0.00 hingga -3.07

Jadual 5: Skala Pengukur Responden

Responden	Logit
Responden Cemerlang	5.70 hingga 3.25
Responden Baik	3.25 hingga 1.51
Responden Sederhana	1.51 hingga 0.00
Responden Lemah	0.00 hingga -1.58

Seterusnya, berikut merupakan jadual yang melaporkan dapatan kajian yang berkaitan dengan tahap penguasaan pelajar terhadap struktur dalaman kata (SDK) imbuhan bahasa Arab yang diperoleh daripada instrumen USDAi yang diedarkan secara atas talian.

Jadual 6: Taburan item kata akar kalimah sahih mazid bahasa Arab

ENTRY NUMBER	TOTAL SCORE	COUNT	MEASURE	MODEL S. E.	MNSQ	INFIT ZSTD	OUTFIT ZSTD	PT-MEASURE CORR.	EXACT OBS% EXP%	MATCH EXP%	Item	
28	19	45	2.01	.38	.97	-1.167	1.6	.56	59	78.6	75.5	A028
20	24	45	1.34	.36	1.03	-.31.366	-.9	-.49	52	66.7	70.5	A020
25	24	45	1.34	.36	.71	-.2.61.59	-1.1	-.63	52	81.0	70.5	A025
23	25	45	1.21	.36	1.35	-.2.62.03	2.0	.34	51	52.4	69.8	A023
3	26	45	1.09	.35	.91	-.71.000	-.2	-.52	49	78.6	69.6	A003
22	26	45	1.09	.35	1.05	-.4.89	-1.1	-.48	49	64.3	69.6	A022
26	26	45	1.09	.35	1.21	1.71.29	-.8	-.40	49	64.3	69.6	A026
7	27	45	.96	.36	.71	-2.6.58	-.9	-.59	48	85.7	69.7	A007
10	27	45	.96	.36	1.00	-.0.87	-1.1	-.49	48	66.7	69.7	A010
12	27	45	.96	.36	.84	-1.4.68	-.6	-.55	48	71.4	69.7	A012
19	27	45	.96	.36	1.07	-.6.94	-.0	-.46	48	61.9	69.7	A019
11	28	45	.84	.36	.97	-.2.2.95	-.1	-.48	47	69.0	69.9	A011
21	28	45	.84	.36	1.29	-.21.44	-.9	-.34	47	59.5	69.9	A021
17	29	45	.71	.36	.96	-.3.94	-.1	-.46	45	78.6	70.2	A017
16	30	45	.58	.36	.93	-.5.76	-.3	-.48	44	71.4	70.7	A016
14	33	45	.17	.38	1.09	-.6.98	-.2	-.37	40	73.8	75.2	A014
30	33	45	.17	.38	.97	-.1.86	-.0	-.41	40	73.8	75.2	A030
18	34	45	-.02	.39	.83	-.9.61	-.3	-.47	39	81.0	77.2	A018
9	35	45	-.14	.40	.98	-.0.75	-.1	-.39	37	73.8	79.2	A009
24	36	45	-.31	.42	.93	-.3.74	-.1	-.39	36	83.3	81.3	A024
27	39	45	-.90	.48	.77	-.7.60	-.2	-.39	31	90.5	87.3	A027
29	39	45	-.90	.48	.74	-.8.51	-.4	-.41	31	90.5	87.3	A029
15	41	45	-1.44	.57	1.05	-.3.87	-.2	-.24	26	90.5	90.8	A015
5	42	45	-1.81	.64	1.28	-.71.55	-.8	-.12	23	92.9	92.9	A005
13	42	45	-1.81	.64	.66	-.6.3	-.7	-.36	20	92.9	92.9	A013
2	43	45	-2.29	.77	.57	-.6.13	-1.1	-.36	20	95.2	95.3	A002
8	43	45	-2.29	.77	1.22	-.51.36	-.7	-.11	20	95.2	95.3	A008
4	44	45	-3.07	1.05	.79	-.01.13	-.7	-.25	14	97.6	97.6	A004
4	44	45	-3.34	1.86				.00	100.0	100.0	A001	
6	45	45	-4.34	1.86				.00	100.0	100.0	A006	
MEAN	32.9	45.0	-.24		.55	-.96	-.1	.91		77.9	77.9	
S. D.	7.5	.0	1.68		.39	.19	1.1	.44		12.1	9.8	

Paparan Jadual 6 merupakan dapatan taburan item kata akar kalimah sahih mazid bahasa Arab. Secara keseluruhannya, bagi menentukan kata akar kalimah sahih mazid bahasa Arab ini, terdapat tiga item di paras paling mudah, iaitu di bawah nilai min -3.07. Tiga item tersebut ialah item 4 “kata akar مُنْعَارِضٌ”, item 1 “kata akar يُقَطِّعُ” dan item 6 “kata akar مُسْتَقْبَلٌ”. Namun terdapat satu item yang sukar dijawab dalam kalangan responden dalam kategori ini yang mencapai nilai min 2.01 di paras kesukaran, iaitu item ke 28 “kata akar مُجْتَرَى” dan responden yang menjawab dengan betul hanya 19 orang sahaja. Berdasarkan nilai keseluruhan min ukuran -0.24 logit daripada jadual di atas tahap penguasaan pelajar terhadap item berkaitan kata akar kalimah sahih mazid oleh pelajar bahasa Arab adalah menunjukkan di tahap mudah, manakala tahap keseluruhan penguasaan kosa kata imbuhan bahasa Arab mengikut Jadual Standard Prestasi (JSP) kajian ini ialah 73.1% (32.9/45x100). Berdasarkan interpretasi JSP kajian ini, tahap penguasaan tersebut menafsirkan responden hanya tahu struktur bentuk sekurang-kurangnya ½ atau hampir ¾ daripada senarai kosa kata yang diuji.

Jadual 7: : Taburan item kata akar kalimah muftal mazid bahasa Arab

ENTRY NUMBER	TOTAL SCORE	COUNT	MEASURE	MODEL		INFIT		OUTFIT		PT-MEASURE		EXACT MATCH		Item
				S.E.	MNSQ	ZSTD	MNSQ	ZSTD	CORR.	EXP.	OBS%	EXP%		
38	13	45	3.03	.46	.74	-.9	.79	-.3	.75	.68	90.5	85.7	B038	
44	15	45	2.64	.42	.66	-1.5	.45	-1.5	.77	.65	85.7	82.2	B044	
39	16	45	2.47	.41	.82	-.7	.64	-.9	.70	.63	81.0	80.4	B039	
58	16	45	2.47	.41	1.98	3.5	2.88	3.3	.27	.63	57.1	80.4	B058	
41	18	45	2.16	.39	.92	-.4	.90	-.2	.63	.60	81.0	76.9	B041	
37	19	45	2.01	.38	.69	-1.9	.55	-1.3	.70	.59	88.1	75.5	B037	
43	19	45	2.01	.38	.85	-.8	.72	-.7	.65	.59	83.3	75.5	B043	
52	20	45	1.87	.37	.89	-.6	.75	-.6	.62	.57	76.2	74.3	B052	
57	21	45	1.73	.37	.90	-.7	.79	-.5	.60	.56	83.3	73.2	B057	
50	22	45	1.60	.36	1.14	1.0	1.97	2.1	.45	.55	81.0	72.1	B050	
40	25	45	1.21	.36	1.04	.4	1.18	.5	.48	.51	66.7	69.8	B040	
53	25	45	1.21	.36	.85	-1.3	.70	-.6	.57	.51	81.0	69.8	B053	
34	26	45	1.09	.35	.97	-.2	.87	-.2	.50	.49	73.8	69.6	B034	
51	26	45	1.09	.35	.99	.0	.83	-.2	.51	.49	64.3	69.6	B051	
56	27	45	.96	.36	.96	-.3	1.01	.2	.49	.48	76.2	69.7	B056	
33	28	45	.84	.36	1.04	.4	1.01	.2	.45	.47	64.3	69.9	B033	
45	28	45	.84	.36	1.13	1.0	1.11	.4	.42	.47	64.3	69.9	B045	
48	28	45	.84	.36	.87	-1.1	.71	-.5	.53	.47	73.8	69.9	B048	
49	30	45	.58	.36	.86	-1.1	.69	-.4	.50	.44	76.2	70.7	B049	
55	30	45	.58	.36	.67	-2.8	.53	-.8	.57	.44	90.5	70.7	B055	
54	31	45	.44	.37	.90	-.7	.77	-.2	.47	.43	83.3	71.9	B054	
35	32	45	.31	.37	.96	-.2	.79	-.1	.44	.41	69.0	73.5	B035	
60	32	45	.31	.37	1.18	1.2	1.08	.3	.35	.41	69.0	73.5	B060	
32	33	45	.17	.38	.95	-.3	.79	-.1	.43	.40	73.8	75.2	B032	
36	33	45	.17	.38	.73	-1.7	.55	-.5	.51	.40	83.3	75.2	B036	
46	34	45	.02	.39	.91	-.4	.71	-.2	.43	.39	76.2	77.2	B046	
31	36	45	-.31	.42	1.15	.7	1.06	.3	.30	.36	78.6	81.3	B031	
42	36	45	-.31	.42	1.00	.1	.74	-.1	.37	.36	78.6	81.3	B042	
47	40	45	-1.15	.52	.81	-.5	.58	-.2	.36	.29	92.9	89.1	B047	
59	40	45	-1.15	.52	.77	-.6	.52	-.3	.37	.29	92.9	89.1	B059	
MEAN	26.6	45.0	.99	.39	.94	-.3	.89	-.1			77.9	75.4		
S.D.	7.3	.0	1.05	.04	.24	1.1	.46	.9			9.0	5.7		

